

Berita**Kuala Lumpur City News**

BANDARAYA

Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my
Bil.5 Mei 2005/ Rabiulakhir 1426H

ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma

D E W A N B A N D A R A Y A K U A L A L U M P U R

"Galakkan Keamanan dan Keharmonian Sejagat" - Datuk Ruslin Hasan

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Hj. Ruslin bin Hasan menyeru kepada *American Field Service* (AFS) supaya mengendalikan lebih banyak lapangan pertukaran pelajar di antara Malaysia dengan negara-negara luar untuk menggalakkan lagi persefahaman, keamanan dan keharmonian di peringkat antarabangsa.

mengadakan program seperti itu ke negara-negara Asia, selain daripada mengeratkan perpaduan antara negara Asia-Pasifik.

Datuk Ruslin berkata demikian di majlis makan malam untuk delegasi AAI, peserta program, pelajar-pelajar yang baru pulang dan pegawai-pegawai daripada AFS Malaysia dan DBKL.

Tetamu disajikan dengan pertunjukan kebudayaan dan tarian seperti Zapin, Piring, Ngajat Indu, Melayu Endang dan Joget Lambak oleh kumpulan kebudayaan DBKL. Pelbagai makanan Melayu ala penjaja merupakan hidangan untuk para tetamu pada majlis makan malam tersebut.

Pelajar-pelajar yang terlibat dalam program pertukaran tersebut juga turut mempersembahkan tarian dan lagu-lagu yang mereka pelajari di Malaysia serta lagu-lagu daripada negara asal mereka.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Mr. Bin Sato, Pengarah AAI, Mr. Tachi Cazal, Pengarah Urusan AFS International, Mr. Kerry Sin, Pengerusi AFS Malaysia dan delegasi-delegasi AAI.

Datuk Ruslin telah dilantik sebagai Penasihat pertama bagi "Friends of AFS".

Beliau berharap agar dari semasa ke semasa, AFS Malaysia akan semakin maju dan terus memainkan peranan penting dalam membangunkan serta memupuk perpaduan antarabangsa.

Beliau menegaskan bahawa persefahaman antara budaya di antara kaum yang berbeza boleh mengelakkan salah faham serta rasa syak antara kaum, sekaligus membantu mewujudkan pembangunan tamadun yang global serta masyarakat yang beradab.

Datuk Bandar menyatakan sokongan beliau terhadap AFS dan akan turut berusaha untuk meningkatkan usaha yang dilaksanakan agar lebih ramai belia dan anak muda negara kita dapat menimba pengalaman dan mempelajari sesuatu yang berharga melalui program ini.



Datuk Hj. Ruslin beramah mesra dengan sebahagian peserta program AFS semasa Majlis Makan Malam meraikan delegasi AAI, pelajar-pelajar dan pegawai-pegawai AFS Malaysia. - Gambar Berita Bandaraya

Beliau memuji sumbangan yang telah dilaksanakan oleh AFS dalam usaha menggiatkan persefahaman budaya antarabangsa melalui penganjuran program-program anak angkat (*home-stay*) untuk pelajar-pelajar. Datuk Ruslin berkata bahawa usaha AFS ini merupakan salah satu langkah yang dialu-alukan memandangkan masa kini dunia dilanda kekacauan dan ketidakstabilan akibat kurangnya perpaduan di antara kaum dan budaya.

Datuk Bandar, yang juga mempunyai seorang anak perempuan yang sedang mengikuti program pertukaran pelajar dan kini sedang berada di New Zealand, turut mengalu-alukan pihak Inisiatif Asia AFS (AAI)

Dari Meja Datuk Bandar



**Menggalakkan
keamanan dan
keharmonian sejagat**

Baru-baru ini,
saya telah
diberi satu
penghor-
matan dan
peluang untuk

meraikan pegawai-pegawai kanan, ahli-ahli dan sukarelawan-sukarelawan daripada American Field Service (AFS) atau lebih dikenali di Malaysia sebagai Antarabudaya Malaysia. Pada awalnya, saya beranggapan bahawa AFS ini merupakan satu badan kebudayaan.

Adalah sesuatu yang mengejutkan saya apabila diketahui bahawa AFS ini merupakan satu badan yang menganjurkan program pertukaran pelajar dan telah diasaskan oleh seorang pemandu ambulan sukarela yang terselamat dalam Peperangan Dunia Pertama dan Kedua.

AFS juga telah disertai oleh hampir 50 buah negara dan telah melaksanakan beribu-ribu pertukaran pelajar sejak ditubuhkan pada tahun 1947, dan hingga kini lebih daripada 300,000 pelajar di seluruh pelusuk dunia telah menimba pengalaman berharga melalui program ini. Dengan mempunyai seramai 100,000 pekerja sukarela, ketara sekali AFS merupakan antara satu badan terbesar yang menggalakkan persefahaman antara-bangsa melalui program pertukaran

pelajar dan program anak angkat.

Terdapat 53 buah negara yang menyertai Komanwel dan 191 negara telah menyertai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), dan kedua-dua pertubuhan ini juga mempunyai matlamat yang sama iaitu menggalakkan keamanan dan persefahaman sejagat di serata dunia.

Usaha yang dijalankan oleh AFS ini lebih daripada sekadar pertembungan mata, ia mampu untuk menyemai dan memupuk persefahaman antara negara-negara dan budaya yang berbeza dengan memberikan peluang kepada pelajar-pelajar yang berumur di sekitar 15 hingga 18 tahun untuk tinggal bersama keluarga angkat di negara lain, tanpa mengira perbezaan kaum, kepercayaan, budaya, warna kulit atau agama. Malaysia sendiri merupakan satu negara yang berbilang kaum dan agama, namun masih mampu hidup dengan penuh rukun dan harmoni.

Usaha-usaha AFS dalam memupuk persefahaman sejagat perlu diberi sokongan padu oleh semua pihak. Dalam dunia globalisasi, "pemikiran global dan perlakuan global" akan membantu dan membawa anak-anak muda dan belia negara kita ke tahap yang lebih tinggi sekaligus mampu mengharungi dunia yang semakin mencabar.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan memberikan sokongan penuh kepada program pertukaran pelajar yang dianjurkan oleh AFS.

Pandangan

Berita Bandaraya / KL City News akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai lainnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: Sidang Redaksi Berita Bandaraya / KL City News Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 29 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut 50350, Kuala Lumpur. e-mel akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9013 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

Sidang Redaksi

Penasihat: Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan Ketua Editor: Tuan Hj. Salleh Bin Yusup Editor: Hanim Binti Hj. Hashim Sub-Editor: Suriyana Binti Ismail Jurufoto: Abd. Rhanis Bin Md. Shohor

From the Mayor's Desk

Promoting global peace and harmony

Recently, I had the privilege and opportunity to welcome and entertain officials, members and volunteers of the American Field Service Programme (AFS) which in Malaysia is known as Antarabudaya Malaysia. I thought that this was another cultural body carrying out cultural activities.

It is surprising to note that this body, which started student exchange programmes in 1947 and founded by volunteer ambulance drivers who survived World War I and II, has spread to about 50 countries and has exchanged thousands of students and more than 300,000 students have benefited from the exchange programmes. With a volunteer force of more than 100,000 worldwide, the mini-UN body is by far the largest to promote global understanding with its home stay programme.

There are 53 member countries in the Commonwealth and 191 countries that are members of the United Nations, they all promote peace and understanding throughout the world.

What AFS does is more than meets the eye. It fosters peace and understanding among countries and cultures by getting students who are around 15 to 18 years old to live with foster-families, irrespective of race,

creed, culture, colour or religion. Malaysia itself is a micro-United Nations with so many races, cultures, religions and diversities living harmoniously and earning a living peacefully.

This AFS programme should be supported by all of us and promoted in Malaysia. In a globalised world, "thinking global and acting global" will take our young people to a higher plane and become global players.

It is said, "little drops of water, make the mighty ocean". If all of us irrespective of our station in life, age or race contribute in our own little way towards good neighbourliness, promote friendship and understanding, peace and harmony, the world I believe will be a much better place to live in. What more in the current global situation where there is much turmoil, wanton killing of innocent women and children, natural disasters and calamities.

It is during moments like this that we should all come together to identify ways and means to contribute towards conflict reduction and promote global understanding and friendship. The journey of a thousand miles starts with the first step, said a great philosopher. We should start our journey somewhere, sometime. Why not contribute and participate in this noble work done by AFS.

City Hall on its part will give all its support to this practical AFS student exchange programme.

EDITORIAL BOARD

Advisor: Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan, Editor in Chief: Tuan Hj. Salleh Bin Yusup Editor: Hanim Binti Hj. Hashim, Sub-Editor: Suriyana Binti Ismail Photographer Abd. Rhani Bin Md. Shohor, Editor's Address Kuala Lumpur City News Public Affairs & International Unit, Level 29, City Hall Building, Jalan Raja Laut, 50350, KL Tel : 03 2617 9013 Fax: 03 2694 1373 e-mail : akhbar@dbkl.gov.my